

26 FEB 2001

Khalid-Perhimpunan

K3P ANJUR PERHIMPUNAN "RAKYAT PADU NEGARA MAJU" BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Kumpulan Pendengar, Penonton dan Pembaca (K3P) akan melancarkan siri perhimpunan bertemakan perpaduan rakyat di semua negeri bermula akhir Mac, kata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Khalid Yunus hari ini.

Beliau berkata perhimpunan yang mengambil slogan "Rakyat Padu Negara Maju" itu akan membolehkan rakyat bermesra dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijangka hadir dan memberi ucapan pada program berkenaan.

"Perhimpunan ini bertujuan memberi penerangan tentang pembangunan masyarakat yang menjurus ke arah perpaduan dan membasuh dakyah yang ditaburkan oleh pihak yang berkepentingan," kata beliau selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa K3P Kebangsaan 1/2001 di sini.

Beliau berkata kementerian menganggap penerangan yang betul amat penting supaya rakyat tidak dikelirukan dengan pelbagai maklumat yang salah dari segi rancangan pembangunan yang dilaksanakan kerajaan serta kesungguhan yang ditunjukkan.

Katanya, 3,000 hingga 5,000 orang dijangka hadir pada setiap perhimpunan yang mengambil tempat di luar bandar sesebuah negeri, dijangka bermula dengan Wilayah Persekutuan.

Pada sebelah pagi, program yang memakan masa sehari suntuk itu dimulakan dengan pertandingan sukan rakyat yang melibatkan orang ramai dan pada masa yang sama eksposisi menunjukkan pembangunan yang telah dan akan dilaksanakan untuk faedah rakyat jelata dipaparkan.

Khalid berkata sebelah petangnya Perdana Menteri akan berucap dan seterusnya bermesra dengan orang ramai manakala sebelah malamnya diisi dengan pementasan pentarama yang menyalurkan maklumat dan mesej dalam bentuk kesenian dan kebudayaan.

"Kita akan bekerjasama rapat dengan semua pimpinan peringkat negeri untuk menjayakan program ini dan berharap program sebegini boleh diperpanjangkan ke peringkat daerah," katanya.

Khalid berkata perancangan juga dibuat bagi mengadakan sebanyak 69 perjumpaan di peringkat daerah tahun ini.

Menurutnya, peranan dan keberkesanan K3P dipertingkatkan untuk membolehkan anggotanya mahir dalam bidang teknologi maklumat termasuk mengadakan kursus dan bengkel.

Setakat ini sebanyak 200 buah komputer diedarkan kepada 200 buah K3P.

Dengan kemudahan itu, satu rangkaian K3P akan diwujudkan bagi perhubungan setiap K3P daerah dengan K3P negeri dan peringkat pusat selari dengan tujuan membolehkan anggota mengikuti perkembangan kemajuan teknologi maklumat.

Konvensyen dua tahun sekali yang akan dihadiri oleh kesemua wakil K3P sedang diusahakan dan dijangka mengambil tempat di Sarawak tahun ini. Kali terakhir ia diadakan di Taiping, Perak.

Kementerian juga sedang memproses untuk meluluskan sebanyak 100 permohonan penubuhan pusat K3P baru, katanya.

-- BERNAMA

SHS AR NMO